

19 OCT 2001

BELANJAWAN: ELAUN PEGAWAI PERUBATAN AWAM DITAMBAH 25-50 PERATUS

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan kenaikan elaun kerja luar waktu bagi pegawai perubatan awam antara 25 dan 50 peratus, mulai 1 Okt tahun ini.

Kenaikan ini diharap dapat meningkatkan lagi motivasi pegawai perubatan awam yang dibebankan dengan kerja tambahan serta mengurangkan perbezaan imbuhan yang diterima pegawai perubatan kerajaan dengan swasta, kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat.

Beliau turut mengumumkan kenaikan kadar suguhati tahunan bagi pegawai dan anggota pasukan keselamatan, khususnya tentera, polis dan pertahanan awam, daripada RM400 kepada RM520, iaitu kenaikan sebanyak 30 peratus, mulai 1 Okt tahun ini.

Selain itu, Dr Mahathir berkata kadar pemberian pakar bagi anggota sukarela Angkatan Tentera Malaysia dinaikkan 100 peratus daripada RM150 kepada RM300 setahun bagi pegawai.

Bagi lain-lain pangkat, kadar pemberian pakar dinaikkan daripada RM100 dan RM75 setahun kepada RM200 setahun, mulai 1 Okt tahun ini.

-- BERNAMA

MFJ ZS RON